



## MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat KDYMM Sultan Kedah dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan berikut:-

<b>NAMA JAWATAN</b>	<b>: PEMBANTU KHIDMAT AM</b>
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: KEMAHIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>JADUAL GAJI</b>	<b>: GRED N1 : RM 1,500.00 - RM 4,680.00</b>
<b>GRED JAWATAN</b>	<b>: H1</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>: TETAP</b>
<b>JUMLAH KEKOSONGAN</b>	<b>: 2</b>

#### SYARAT LANTIKAN:

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,500.00); atau  
(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,500.00); atau  
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,561.00)
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W1 : RM 1,622.00)

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT TAMBAHAN KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) / SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA**

### **i. SPM**

Calon hendaklah memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata Pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

### **ii. SVM**

Mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan Kelayakan SVM dalam bidang yang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

## **DESKRIPSI TUGAS**

- a. Menjalankan tugas-tugas am bersifat hand-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- b. Melaksanakan tugas-tugas persiapan dan logistic sebelum dan selepas majlis rasmi atau mesyuarat seperti alat siaraya dan kerusi/meja.
- c. Melaksanakan tugas-tugas rencam seperti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan dahan pokok serta tugas-tugas landskap serta keceriaan Kawasan.
- d. Penyelenggaraan Landskap & Nurseri – cantasan, membaja, merumput, menyiram, semaian anak pokok, penanaman pokok, penyemaian benih, akuakultur dan lain-lain.